



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

PENYELEWENGAN AKIDAH DALAM AJARAN SESAT DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

[PERVERSION OF FAITH HERESY IN MALAYSIA: A REVIEW]

NUR AISYA ASYIKIN MOHD ZURITA¹
ENGKU AHMAD ZAKI ENGKU ALWI^{1*}

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: drkuzaki@unisza.edu.my

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Penyelewengan akidah adalah masalah yang makin berleluasa di Malaysia. Pelbagai jenis ajaran yang didapati muncul dalam kajian ini. Jika tindakan membanterasnya tidak diberi tumpuan yang bersungguh-sungguh, golongan yang membawa ajaran menyeleweng ini akan merosakkan akidah masyarakat. Akhirnya, ajaran seperti ini akan membawa kepada perpecahan dalam masyarakat dan negara. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti penyelewengan dari segi akidah dalam ajaran sesat yang wujud Malaysia. Selain itu, untuk kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kesan yang berlaku kepada masyarakat akibat penyelewengan akidah yang berlaku serta menganalisis kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji lepas berkaitan dengan tema ini. Dapatan kajian mendapati bahawa jabatan agama dan institusi agama yang terlibat telah mengambil inisiatif dalam membendung isu penyelewengan akidah dalam ajaran sesat ini. Implikasi kajian ini akan dapat meningkatkan kecekapan secara berkesan samaada undang-undang persekutuan atau negeri dalam mencegah kumpulan ajaran sesat daripada menyebarkan fahaman akidah yang menyeleweng. Justeru itu, kajian ini dapat memperkasa pemikiran masyarakat dan memberi kesedaran yang jitu mengenai ajaran akidah Islam yang sebenar.

Kata kunci: Penyelewengan, Akidah, Ajaran Sesat, Malaysia, Satu Analisis

Abstract

Aqedah faith misappropriation is one of the problems that arising in Malaysia. Various types of religious cult have been discovered during this research. The organizations that bring these cults beliefs will threaten Muslims' faith if effort to eliminate them is not being seriously handled. These kinds of beliefs and cult will eventually split the people and country. The purpose of this study to identify variations in Malaysians' acceptance of heretical teachings. Furthermore, it is to explain the sociological implications to the people that caused by existence of religious cult, as well as to evaluate past research on this topic by previous experts. The research discovers that the religious department and institutions in Malaysia that are involved have taken initiatives to resolve the

issue of faith misappropriation in this religious cult. The outcomes of this research will aid in the improvement of federal and state legislation that restrict cult groups from promoting incorrect doctrines. As a result, this study can serve to enhance the community's thinking and provide a solid understanding of the true teachings of Islam

Keywords: *Perversion, Aqidah, Heresy, Malaysia, A Review*

Cite as: Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi.2022. Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis [Perversion of Faith Heresy in Malaysia: A Review]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 197-206

PENGENALAN

Penyelewengan akidah adalah satu isu yang dominan dalam sesebuah negara. Kecuaian terhadap kepentingan penjagaan akidah ini sedikit sebanyak memberikan kesan negatif terhadap kehidupan manusia itu sendiri dari segi rohani dan jasmani. Keruntuhan akidah seseorang individu yang semakin meningkat disebabkan wujudnya unsur-unsur negatif yang menjadikan penjagaan akidah mereka terlalu lemah (Mohd Kamel et.al., 2021). Setiap muslim hendaklah mengambil berat terhadap unsur-unsur yang dapat melemahkan nilai keimanan kita kepada Allah S.W.T. Jika diabaikan ia akan akidah seseorang itu akan rosak dan pemikiran mereka akan dikongkong oleh pemimpin yang menyeleweng.

LATARBELAKANG KAJIAN

Penyelewengan akidah adalah sebahagian daripada bidaah yang haram yang bersalahan dengan al-Quran dan al-Hadith. Menurut kajian lepas dan statistik dari pihak yang bertanggungjawab, penyelewengan akidah berlaku dalam ajaran yang baru muncul sehingga membawa kepada penyelewengan akidah. Kemelut isu ini berlaku apabila wujudnya kejahilan terhadap agama Islam. Menurut Engku (2007), kejahilan seseorang dapat dikesan apabila jiwa seseorang itu kosong daripada nilai-nilai kerohanian berpunca dari kejahilan dalam ilmu-ilmu agama. Permasalahan ini dianggap serius disisi Islam kerana ia melibatkan tentang perihal akidah seseorang muslim. Oleh sebab itu, ketenteraman dan keharmonian hidup setempat tergugat jika ajaran yang berlawanan dengan agama Islam seperti ini wujud dan tersebar. Abdul Fatah Haron telah mentakrifkan ajaran sesat sebagai ajaran dan perbuatan yang tidak sesuai dengan Islam dan menyalahi disiplin ilmu akidah (Engku, 2015).

Walaupun pelbagai cara membendung masalah ini telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa namun kumpulan -kumpulan ini masih juga bergiat aktif. Selain daripada itu, ia menjadi keutamaan dalam membendung permasalahan ini agar terjaga akidah dan keharmonian negara. Oleh itu, masyarakat perlu mengambil langkah berjaga-jaga dalam menuntut ilmu sekurang-kurangnya hendaklah mempelajari ilmu asas agama Islam. Jika mempunyai asas agama, mereka akan bijak dalam membezakan antara ilmu yang benar dan salah. Ajaran sesat hari ini giat tersebar di kalangan umat Islam di Malaysia melalui saluran penyebaran media sosial di alam siber (Siti Ezaleila Mustafa, 2015). Segelintir masyarakat lebih senang menzahirkan perselisihan faham berkaitan sesuatu isu akidah tanpa mengambil kira kesannya (Ahmad Syafiq et.al, 2022). Justeru, objektif dan tujuan kajian ini meliputi beberapa perkara

iaitu mengenal pasti ajaran menyeleweng di Malaysia dan mengenalpasti perkembangan kumpulan penyelewengan akidah di Malaysia.

METODOLOGI PENULISAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan berteraskan data-data kualitatif (Hasfa, 2022). Kaedah analisis kandungan ini digunakan untuk mendapatkan data-data berkaitan dengan ajaran menyeleweng dan mengenalpasti perkembangan kumpulan penyelewengan akidah di Malaysia. Kaedah dokumentasi turut digunakan untuk mendapatkan maklumat. Dokumen yang diselidiki dan diteliti kebanyakannya tulisan dalam buku, tesis, jurnal *online* dan lain-lain yang berkaitan.

SOROTAN LITERATUR PENYELEWENGAN AKIDAH

Pada zaman ini telah wujud ajaran sesat yang pelbagai yang bertapak secara sembunyi dalam masyarakat di negara kita. Walaupun jumlah pengikutnya tidak banyak, namun senario ini boleh menjadi ancaman bagi masa depan Islam dan perpaduan umat di negara kita ini. Sehingga sekarang ajaran menyeleweng dibuktikan dengan terkenal dengan pelbagai nama (Farahwahida, 2011). Di antaranya disebut sebagai Ilmu Hakikat, Agama Taslim, Menenal Roh, Ilmu Bungkus, Ilmu Sejati, dan lain-lain sebagainya. Semua itu tersusun dari banyak bahan, seperti Animisme, Dinamisme, Hinduisme, Budisme, Kristian, Islam, Falsafah Yunani kuno, fahaman Batinhiah dan Wihdah al-Wujud, dan sebagainya (H.O.K Rahmat, 1983).

Menurut Mohd Aizam (2013) dalam bukunya *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia* menjelaskan bahawa timbulnya ajaran-ajaran dan amalan-amalan yang menyeleweng di Malaysia bukanlah satu perkara yang baru. Senario ini telah lama bermula melalui fahaman animisme, dinamisme dan ajaran-ajaran Hindu-Budha. Sehingga kini, setiap negeri di Malaysia terdapat ajaran-ajaran sesat yang dikategorikan menyeleweng dari akidah Islam sebenar. Antara ajaran sesat yang dikaji dalam buku ini adalah ajaran al-Arqam, ajaran Syiah, ajaran al-Mansur dan ajaran Ilmu Hakikat.

Di Malaysia, penyelewengan akidah berlaku dengan lebih hebat dengan kemunculan satu ajaran yang dikenali dengan ajaran Ilmu Hakikat yang muncul sekitar tahun 1980-an (Abidin, 2016). Ajaran ini dipelopori oleh Haji Ahmad Laksamana bin Haji Omar yang terkenal melalui tulisannya dalam buku *Hakikat Insan*. Sebahagian besar isi kandungan buku berkenaan mempunyai persamaan dengan Hidayatul Anwar oleh Syed Jamalullail pengasas ajaran Taslim (Amin, 2009). Kesimpulannya, buku yang digunakan dalam ajaran ini cuba menyebarkan ajaran Batiniyyah yang dicampur dengan ajaran wujudiyyah bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal- Jamaah. Penulis juga ada mengesyorkan pelan tindakan individu agar sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan isu-isu agama terkini terutama dengan apa yang dilaporkan di akhbar, televisyen dan internet berkenaan gejala penyelewengan aqidah.

SOROTAN LITERATUR KUMPULAN AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Sehingga sekarang terdapat kumpulan ajaran sesat yang telah dikesan di Malaysia. Oleh sebab itu, pada setiap tahun kes ajaran sesat sentiasa bertambah dan berjaya dikesan oleh pihak berkuasa (Zanirah & Nooraini, 2021). Ajaran ini kebanyakannya mempunyai ciri-ciri iaitu batin dan takwil, makrifat dan wujudiah. Contoh ajaran yang mempunyai ciri-ciri diatas adalah Ajaran Taslim (Ahmad Hidayat, 2018). Ajaran taslim adalah ajaran yang terawal di Malaysia. Di samping itu, Ajaran Bahai dan Ajaran Qadiani juga pernah bertapak di Malaysia. Ajaran-ajaran yang muncul di akhir-akhir ini didapati semuanya mempunyai doktrin wujudiah. Secara tidak disedari negara kita juga banyak dipengaruhi oleh ajaran sesat yang datangnya daripada luar negara dan dalam negara. Pihak kerajaan memandang serius isu penyelewengan yang mengganggu akidah umat Islam di negara ini. Ini menunjukkan bahawa ajaran sesat memang berkembang dinegara kita dan Tindakan tegas perlu diambil untuk menghalang dan mencegah daripada merebak

Walaupun sesuatu ajaran dan buku-buku tulisan mereka itu telah diwartakan atau difatwakan menyeleweng oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tetapi individu yang terlibat dengan ajaran tersebut masih aktif di media sosial seperti *youtube*. Lebih menyedihkan lagi, kemudahan media yang ada juga disalah guna untuk menyebarkan ajaran akidah yang bertentangan dengan arus kehidupan normal manusia. (Syafawani, 2020). Contohnya ajaran makrifat Haji Shaari Mohd Yusof yang masih aktif hingga ke hari ini. Beliau telah mengajarkan ajaran yang di luar batasan pemikiran manusia dan mengajarkan ajaran makrifat yang berlawanan dengan Islam. Oleh hal yang demikian, pihak berkuasa telah digesa untuk mengambil tindakan segera bagi mencegah ajaran akidah ekstrem ini daripada disebarkan di negara ini (Asmady et.al (2020).

Seterusnya Engku Zaki (2006) mendapati bahawa faktor ajaran sesat di Malaysia adalah disebabkan oleh kepincangan dalam penguatkuasaan dan peruntukan undang-undang, kelemahan kurikulum Pendidikan Islam, pengaruh budaya Barat dalam kehidupan umat Islam. Di samping itu, penyelewengan akidah turut mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Oleh itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri untuk mengambil tindakan terhadap laporan bagi setiap aktiviti yang melibatkan ajaran menyeleweng dan sesat serta bagi memberi kefahaman kepada masyarakat agar mereka tidak terjerumus dalam kesesatan ini (Nailah, 2011).

Dalam kajian Asmady et al., (2020) menjelaskan tindakan Kerajaan Negeri Sabah dalam pewartaan fatwa berkenaan dengan 22 ajaran kerana dianggap sebagai sesat dan terkeluar daripada ajaran agama Islam sangat wajar diketengahkan dalam penyelidikan. Kesemua ajaran ini dikenalpasti bertentangan dengan fahaman Ahlu Sunnah wa al-Jamaah. Fahaman yang diamalkan oleh kumpulan-kumpulan tersebut mampu menjejaskan keselamatan dan kestabilan politik negara. Kajian Asmady (2020) dengan lebih jelas telah menjelaskan dasar Kerajaan Negeri Sabah dalam menangani perkembangan ajaran menyeleweng ini. Kajian yang dilakukan menggunakan pendekatan yang menyeluruh bagi membendung perkembangan ajaran sesat di Sabah. Kekurangan kajian ini adalah hanya memfokuskan kepada isu ini sahaja tetapi tidak disenaraikan secara jelas ajaran-ajaran yang menyeleweng di Sabah.

Ajaran sesat merupakan senjata yang digunapakai oleh musuh-musuh Islam untuk menghancurkan umat Islam dari dalam. Hal ini mengakibatkan, berlakunya ancaman dari segi

akidah, kemasyarakatan dan keselamatan negara. Misalnya, Kumpulan Tal Tujuh. Kumpulan ini telah disahkan menyeleweng oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Antara kesalahan yang kumpulan ini adalah melibatkan akidah dan syariat. Kesannya ramai orang Islam yang telah terpengaruh oleh ajaran ini. Ajaran ini telah wujud di Pasir Mas Kelantan sejak tahun 1973 (Aizan Ali & Siti Hajar, 2018). Pemimpin kumpulan ini ialah Abdullah bin Mohd. Syariff. Antara penyelewengan yang dapat dikesan dalam kumpulan ini adalah membuat keputusan berdasarkan mimpi dan mendakwa boleh menta'bir mimpi.

Setiap ajaran menyeleweng boleh difatwakan sesat jika terdapat unsur khurafat dan perkara yang menyalahi akidah. Di samping itu, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri telah mengeluarkan beberapa pandangan hukum dan fatwa amalan yang bercanggah dengan Islam disebabkan wujudnya unsur khurafat dalam pengamalan kumpulan tertentu. (Mohd Kamel et. al., 2020).

SOROTAN LITERATUR TINDAKAN MEMBENDUNG KES AJARAN SESAT

Pada setiap tahun didapati pihak berkuasa menangani permasalahan ini secara serius kerana kes ajaran sesat sentiasa bertambah. Menurut Muna (2021), kedudukan fatwa berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 sebagai sumber rujukan yang berwibawa dan memainkan peranan yang berkesan dalam memperkukuh Akidah bagi membendung sebarang ajaran yang salah. yang bercanggah dengan akidah Islam. Kajian beliau ini sebenarnya akan memberi sumbangan untuk membantu pihak berkuasa membuat penambahbaikan dan memperkemaskan lagi sistem pengurusan membanteras kegiatan jenayah akidah.

Menurut Jasni Sulong (2016) dalam tulisan jurnalnya menegaskan akidah yang kukuh seorang Muslim didirikan berdasarkan imannya hingga ke enam rukun Iman dan begitu juga sebaliknya. Pada masa kini, cabaran untuk akidah Islam cemerlang kerana sosial yang luas interaksi, pautan internet dan kemudahan maklumat. Oleh yang demikian, pemikiran yang bertentangan dengan akidah Islam seperti Sekular, Liberal dan Syiah sedang merebak di kalangan generasi muda hari ini. Oleh itu, kerajaan telah mengambil tindakan dan mengawal selia undang-undang khas untuk mengatasi masalah tersebut. Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek akidah Islam iaitu ditangani oleh undang-undang dan fatwa untuk mencegah ancaman. Fatwa yang telah dianalisis menggunakan metodologi analisis kandungan. Kajian ini hanya tertumpu kepada satu negeri sahaja iaitu Pulau Pinang. Oleh sebab itu, kajian ini menjadi satu idea yang baik untuk pengkaji meneruskan kajian lain berkaitan dengan ajaran-ajaran yang menyeleweng dalam akidah serta mengumpul semua ajaran dan fatwa untuk setiap negeri untuk menjadi rujukan kepada masyarakat dan jabatan agama Islam negeri.

Menurut Noor Raihan et.al (2018) dalam konteks negara Malaysia, berdasarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri agama Islam yang menjadi pengamalan dan pegangan oleh masyarakat Islam adalah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan ajaran-ajaran yang telah dilarang oleh fatwa-fatwa negeri dianggap melanggar undang-undang dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan. Gejala ajaran menyeleweng ini akan terus tersebar kepada masyarakat dengan giatnya jika pihak tertentu tidak membendungnya dengan strategi yang

mantap. Setiap ajaran menyeleweng itu kebiasaannya wujud daripada ketaasuban untuk menuntut ilmu (Wan Ismail et.al, 2015).

Ketaasuban mereka itu menyebabkan mereka tersilap memilih jalan ilmu yang benar. Kesannya sangat besar jika ia melibatkan golongan remaja. Oleh itu, menurut kajian Nur Azizah et.al (2019), beliau berpendapat untuk membendung permasalahan ini JAKIM telah menubuhkan IPHAM dalam melaksanakan program memantapkan akidah remaja, komitmen dan kerjasama pelbagai lapisan masyarakat seperti institusi kekeluargaan dan NGO. Hal ini untuk melahirkan remaja yang mengikut acuan akidah Islam sebenar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini didapati bahawa kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu berfokuskan isu penyelewengan akidah dalam ajaran sesat tertumpu di Malaysia. Sudah banyak cadangan dan tindakan yang diutarakan oleh pengkaji lepas dalam usaha membanteras penyelewengan akidah memandangkan wujudnya ajaran sesat dan aliran pemikiran baru yang cuba memesongkan akidah. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat Islam melalui pelbagai medium dakwah yang berkesan dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang.

Melalui dapatan kajian ini juga, dapat dinilai dari sudut kelemahan yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas dari segi skop kajian yang bersifat umum sahaja. Kajian berkaitan dengan ajaran menyeleweng ini wajar diketengahkan dengan lebih giat dan khusus lagi untuk membantu pihak berkuasa membuat penambahbaikan dan memperkemaskan lagi sistem pengurusan dan operasi mereka dalam membanteras kegiatan jenayah akidah. Contohnya bahagian penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah menganalisis kaedah menangani kes-kes ajaran sesat. Sumbangan mereka ini akan dapat memberikan manfaat kepada pihak berkuasa dan jabatan agama Islam untuk mengurangkan berlakunya kes ajaran sesat (Zanirah&Noraini, 2021).

Bagi pengkaji setiap isu ajaran sesat dan salah ini perlulah ditambahbaik mengikut isu dan permasalahan tahun semasa. Menurut Noor Raihan et.al (2018) dalam konteks negara Malaysia, berdasarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri agama Islam yang menjadi pengamalan dan pegangan oleh masyarakat Islam adalah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Mana-mana orang Islam yang mengamalkan ajaran-ajaran yang telah dilarang oleh fatwa-fatwa negeri dianggap melanggar undang-undang dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan. Dalam mempelajari dan menerima sesuatu ajaran, masyarakat mestilah berhati-hati agar tidak tersilap langkah. Sebarang kekeliruan hendaklah segera dirujuk kepada mereka yang benar-benar mahir dalam bidang tersebut (Mohammad Zulkifli et.al, 2020). Engku Ahmad Zaki (2007) telah menyenaraikan ciri-ciri ajaran sesat yang terdapat dalam satu-satu ajaran atau mazhab yang boleh menyebabkan pengamalannya hilang akidah dan sesat. Antaranya:

1. Guru atau individu yang mengaku menerima wahyu
2. Percaya wahyu masih turun.
3. Mengaku dirinya atau gurunya sebagai nabi atau Nabi Isa.

4. Mempercayai bahawa terdapat nabi dan rasul lain selepas Nabi Muhammad.
5. Sengaja mengubah ayat dan makna al-Quran.

Ajaran menyeleweng dan kepercayaan salah yang dilakukan oleh masyarakat majoritinya tiada asas dari sudut al-Quran dan as-sunnah. Berdasarkan dari ciri-ciri yang dinyatakan, terbukti bahawa ajaran menyeleweng yang pernah bertapak di Malaysia ini mempunyai ciri-ciri tersebut. Antaranya adalah seperti Ajaran Bahai. Pengasas ajaran ini mendakwa bahawa beliau adalah rasul baru dan syariat Islam (Khairul&Khader, 2020). Oleh hal yang demikian, jelas berlaku penyelewengan akidah dalam amalan ini dan bertentangan dengan akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Pandangan hukum dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan membabitkan ajaran-ajaran sesat dan sepatutnya perlu diwartakan pengharamannya di Malaysia kerana ada segelintir ajaran salah ini masih tidak diwartakan secara menyeluruh. Antara fatwa berkaitan dengan penyelewengan dalam ajaran sesat masih ada lagi yang belum difatwakan sesat oleh kerajaan negeri khususnya contohnya ajaran makrifat Haji Shaari. Bidangkuasa undang-undang mengenai pemeliharaan agama perlu dikuatkuasakan dengan lebih strategik dan pantas kerana bidangkuasa ini adalah terletak pada negeri masing-masing (Engku Zaki, 2010).

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sesuatu kepincangan timbul apabila perbincangan berkaitan ajaran menyeleweng dibicarakan pelbagai individu yang tidak diketahui kelayakannya. Bahkan wujud individu yang dianggap berkelayakan tetapi tidak menerima salah satu daripada perkara berkaitan Iman, Islam dan Ihsan atau disiplinnya akidah. Maka, jelaslah berdasarkan kajian sorotan penyelewengan akidah di Malaysia sehingga hari ini masih perlu ditambah baik dari segi pembanterasannya.

Dalam pada itu, Ajaran sesat yang semakin menular dewasa ini telah mencemarkan kesucian agama Islam itu sendiri. Di Malaysia, menurut Noor Raihan (2018) pengamal ajaran sesat ini boleh didakwa dan jika sabit kesalahan akan dihukum menurut peruntukan Akta Kesalahan Jenayah Islam negeri-negeri. Dalam menghadapi kepesatan teknologi alat komunikasi dan saluran media sosial, pengembangan ajaran sesat ini mudah berlaku. Senario ini dibimbangi mampu menggugat kestabilan negara jika tiada usaha dilakukan untuk membanteras ajaran-ajaran baru yang mula muncul. Kesannya hubungan sosial dan perpaduan kaum antara masyarakat akan menjadi lemah (Sophian, 2022). Pendidikan dan persekitaran sosial tidak sihat menyumbang kepada didikan moral dan agama tidak berlaku secukupnya (Nur Azuki, 2015). Kebanyakan fakta kes yang berlaku melibatkan individu mahupun kumpulan yang memperalatkan sentimen agama dan bertindak di luar syariat hidup beragama.

Jelaslah bahawa doktrin ajaran sesat amat jauh terpesong daripada hidayah al-Quran dan hadis. Sepatutnya umat Islam menjadikan al-Quran sebagai dasar dan pegangan mereka, bukannya mengambil cerita-cerita yang tiada kesahihan dan menyeleweng. Ajaran Islam sebenarnya merupakan suatu ajaran murni sekaligus memerangi segala bentuk kesesatan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Isu ajaran penyelewengan ini perlulah diberi perhatian oleh semua masyarakat di Malaysia agar tidak meninggalkan kesan yang berpanjangan kepada akidah masyarakat dan kepada generasi akan datang. Isu seperti ini juga memerlukan kajian lanjutan kepada ajaran yang sedang wujud

di negara Malaysia ini agar akidah umat Islam di Malaysia terus terpelihara. Kajian akan datang disyorkan agar memfokuskan kepada ajaran terkini yang sedang giat disebarkan di media sosial contohnya Ajaran Makrifat Haji Shaari Mohd Yusof. Adalah diharapkan bahawa artikel ini akan membantu penyelidik lain dalam merujuk kepada maklumat yang terkini dan boleh dipercayai semasa menjalankan penyelidikan mereka.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk "Pembangunan Indikator Pemantapan Akidah Umat Islam di Malaysia Menurut Manhaj Ahli Sunnah Wal Al Jamaah" rujuk.no. FRGS/1/2021/SS10/UNISZA/01/1 yang dianugerahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Malaysia); dan diurus oleh Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Pengurusan Inkubasi, UniZA

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang. 2011. Fatwa Ajaran Sesat Dari Sudut Undang-Undang Dan Cabaran Pembanterasannya Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 2(1): 27-47.
- Ahmad Syafiq Yusof, Siti Sarah Izhan Khalib, Nur Jazlynda Zamri, Safiyyah Hani Shahidan & Nur Sabrina Kamsan. 2022. Liberalisme: Peranan Pemimpin Muda Islam. *International Journal for Islamic Product and Malay Civilization* 1(1): 63-82.
- Aizan Ali Mat Zin & Siti Hajar Aziz. 2018. Muhammad Uthman El-Muhammady: Analisis Sumbangannya Dalam Penulisan. *Journal of Al-Tamaddun* 13(2): 55-64.
- Asmady Idris, Shahril Yusof, Suraya Sintang & Issraq Ramli. 2020. Dasar Kerajaan Negeri Sabah Menangani Perkembangan Ajaran Sesat Dalam Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 7(1): 49-67.
- Engku Ahamad Zaki, Nor Aini Abu Bakar, & Roose Nilawati Subki. 2015. Heresy in Malaysia: An Analysis. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(2): 463-469.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan. *Jurnal Usuluddin* 26: 1-22.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2010. Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Peradaban* 5(3): 1-16.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2015. *Ajaran Sesat Di Malaysia Faktor Penyebaran Dan Cara Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Farahwahida Mohd Yusoff. 2011. *Fatwa Dan Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat Di Malaysia*. Skudai: UTM Johor Baru.
- H.O.K Rahmat S.H. 1983. *Pencemaran Akidah Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hassan, H. B., & Towpek, H. 2022. Ekstrimis Agama: Pengabaian Budaya Ilmu Mengundang Sikap Radikalisme Dalam Agama. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 7(44): 153 - 164.
- Jasni Sulong. 2016. Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang dan Fatwa di Pulau Pinang. *Afkar-Jurnal Akidah; Pemikiran Islam*,

18: 1–34.

- Khairulnazrin Nasir & Khadher Ahmad. 2020. Roh Manusia Menurut Perspektif Agama, Falsafah dan Budaya Dunia: Suatu Sorotan Literatur. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge* 1(1): 119 - 138.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Muhammad Norazam Nordin, Khazri Osman, Abu Dardaa Mohamad & Ahmad Irdha Mokhtar. 2020. Peranan Pendakwah Untuk Menangani Berita Palsu Dari Perspektif Dakwah. *Jurnal Maw'izah* 3(1): 42-54.
- Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah, Mohamad Fuad Ishak & Aminuddin Basir. Tahap Pengetahuan Belia Mengenai Gerakan Syiah Melalui Pendidikan Di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam* 9(2): 49-76
- Mohd Aizam Mas'od. 2013. *Diskusi Isu Aqidah & Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mohd Kamel Mat Salleh, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, & Mohd. Asyran Safwan Kamaruzaman. 2021. Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2): 144-157.
- Muh. Zainal Abidin. 2011. Konsep ilmu dalam Islam: Tinjauan terhadap makna, hakikat, Dan sumber-sumber ilmu dalam Islam. *Ilmu Ushuluddin* 10(1): 107-120.
- Muna Hamzan. 2021. Prosedur Pewartaan Fatwa Ajaran Salah Berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Dalam Menangani Isu Penyelewangan Akidah Di Negeri Kelantan. *International Journal of Al-Quran and Knowledge (IJQK)* 1(2): 26-38.
- Nailah Ismail. 2011. Al-Hawa dalam penyelewangan akidah: kajian di Kelantan. Disertasi PhD. University of Malaya.
- Noor Raihan Jusidin & Zuliza Mohd Kusrin. 2018. The Propagation of Doctrine of Deviant Religious Teachings in The Cyber Net: Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat di Alam Siber. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 10(1): 42-62.
- Nor Azizah Mustapha, Fariza Md. Sham & Ahmad Irdha Mokhtar. 2019. Program Dakwah Dalam Memantapkan Akidah Remaja Oleh Institut Pemantapan Dan Perkaderan Akidah Malaysia (Ipham). *Al-Hikmah* 11(2): 3-19.
- Rambli, Sophian, Alwi, Engku Ahmad Zaki Engku, Shamsuddin, Noor Emma 2021. Issues, Challenges and Solutions of Aqidah Management in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(8): 1076-1085.
- Saari, R. B. 2011. Tapisan Dan Kawalan Media Cetak Berunsur Islam Oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Suatu Pengamatan Awal. *Jurnal Penyelidikan Islam* 24.
- Siti Ezaleila Mustafa. 2015. *Media Jaringan Sosial: Penggunaan dan Pengaruhnya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syafawani Mohd hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2020. Ancaman Ideologi Keganasan: Faktor-Faktor Penglibatan Masyarakat Malaysia dalam Kumpulan Daesh. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 23(1): 111-127.
- Wan Haslan Khairuddin. 2022. Kerangka Kajian Ajaran Sesat Menurut Ahli Sunah Waljamaah. *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1(1): 120-149.

- Wan Ismail W Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin & Mohd Ismail Mustari. 2015. Ancaman pemikiran aliran Islam liberal kepada umat Islam di Nusantara: Satu sorotan kajian. *Sains Humanika* 5(3): 77-85.
- Zanirah Mustafa@ Busu & Noraini Junoh. 2021. Prosedur dan bidangkuasa Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ): analisa kaedah menangani kes-kes ajaran sesat. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)* 2: 74-93.